

seseorang itu ketawa ketika bersembahyang, dia hanya perlu mengulangi sembahyangnya, tidak wudhu'nya". Hasan berkata: "Jika seseorang mengambil sebahagian daripada rambutnya (dengan mengunting atau mencukur) atau kukunya atau dia mencabut khufnya, dia tidak perlu berwudhu". Abu Hurairah berkata: "Tidak perlu berwudhu', kecuali kerana hadas". Diriwayatkan daripada Jabir bahawa ketika Nabi s.a.w dalam peperangan Zatur Riqah, pernah berlaku seorang lelaki (sahabat Nabi s.a.w) dipanah musuh (ketika dia sedang bersembahyang) dan anak panah yang mengenainya itu menyebabkan darah terkeluar dengan banyak dari tubuhnya. Tetapi dia tetap ruku', sujud dan meneruskan sembahyangnya". Hasan menjelaskan: "Orang-orang Islam sentiasa bersembahyang dalam luka mereka". Thawus, Muhammad bin 'Ali, 'Atha' dan Ahli Hijaz berpendapat: "Tidak perlu berwudhu' kerana keluar darah". Ibnu 'Umar memicit bisulnya lalu keluar darah dari bisulnya itu tetapi dia tidak berwudhu' (krnnya). Ibnu Abi Aufa meludah darah, namun dia terus mengerjakan sembahyang. Ibnu 'Umar dan Hasan berkata tentang orang yang berbekam: "Tidak perlu dia melakukan apa-apa selain membasuh tempat-tempat yang dibekam itu⁴⁸."

١٧٠ - حَدَّثَنَا آدَمُ بْنُ أَبِي إِيَاسٍ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي ذَنْبٍ حَدَّثَنَا سَعِيدُ الْمَقْبُرِيُّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَزَالُ الْعَبْدُ فِي صَلَاةٍ مَا كَانَ فِي الْمَسْجِدِ يَنْتَظِرُ الصَّلَاةَ مَا لَمْ يُحْدِثْ فَقَالَ رَجُلٌ أَعْجَبَنِي مَا الْحَدَّثُ يَا أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ الصَّوْتُ يَعْنِي الضَّرْطَةَ

170 - Adam bin Abi Iyas meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Abi Zi'b meriwayatkan kepada kami, katanya: Sa'id Al-Maqburi meriwayatkan kepada kami daripada Abi Hurairah, beliau berkata: Nabi s.a.w bersabda: "Seseorang hamba itu (dikira) terus berada di dalam sembahyang selagi dia berada di dalam masjid dalam keadaan menanti sembahyang dan tidak pula berhadats". Maka bertanyalah seorang

⁴⁸ Tujuan Imam Bukhari mengemukakan tajuk bab yang panjang di sini ialah untuk menyatakan pendirian beliau tentang perkara yang membatalkan wudhu'. Bagi beliau wudhu' terbatal hanya kerana keluarnya sesuatu (najis dan sebagainya) yang biasa daripada dua saluran keluar najis iaitu qubul dan dubur secara normal. Dalam bab ini pendapat Bukhari lebih kurang sama dengan pendapat Malik dan Daud Zahiri.

a'jami (seorang yang bukan berketurunan 'Arab): "Apakah hadats itu wahai Abu Hurairah?". Abu Hurairah menjawab: "(Iaitu adanya) Bunyi". Maksud beliau (Abu Hurairah) ialah kentut⁴⁹."

١٧١ - حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ عَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَبَادِ بْنِ تَمِيمٍ عَنْ عَمْرِو بْنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَلْصِقُ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيحًا

171 - Abu Al-Walid meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan bin 'Uyainah meriwayatkan kepada kami daripada Az-Zuhri daripada 'Abbaad bin Tamim daripada bapa saudaranya daripada Nabi s.a.w, Beliau bersabda: "Janganlah seseorang itu berhenti bersembahyang sehingga dia mendengar bunyi atau mendapat bau (dari kentutnya)."

١٧٢ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ مُنْذِرِ أَبِي يَعْلَى الثَّوْرِيِّ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الْحَنْفِيَّةِ قَالَ قَالَ عَلِيٌّ كُنْتُ رَجُلًا مَذَّاءً فَاسْتَحْيَيْتُ أَنْ أَسْأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَمَرْتُ الْبَغْدَادَ بْنَ الْأَسْوَدِ فَسَأَلَهُ فَقَالَ فِيهِ الْوُضُوءُ وَرَوَاهُ شُعْبَةُ عَنِ الْأَعْمَشِ

172 - Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: Jarir meriwayatkan kepada kami daripada Al-A'masy daripada Munzir Abi Ya'la Ats-Tsauri daripada Muhammad Bin Al-Hanafiyyah daripada 'Ali Bin Abi Thalib, beliau berkata: "Saya seorang yang selalu keluar air mazi. Saya malu bertanya Rasulullah s.a.w (tentangnya), kerana itu saya menyuruh Miqdad supaya bertanya. Miqdad pun bertanya Beliau s.a.w. Maka Nabi s.a.w. bersabda: "Dengan terkeluarnya air mazi, seseorang itu perlu berwudhu⁵⁰."

Syu'bah (juga) meriwayatkannya daripada Al-A'masy.

⁴⁹ A'jami yang tersebut di dalam hadits ini menyangka hadats hanya terhad kepada air besar dan air kecil sahaja. Tetapi apabila Abu Hurairah menyebutkan hadits ini, dia mula terkeliru dan musykil. Bagaimana pula seseorang boleh berhadats di dalam masjid? Kerana itu dia bertanya Abu Hurairah tentang ma'na hadats. Berdasarkan jawapan Abu Hurairah yang tentu sekali amat-amat mengetahui tentang ma'na hadats itu Bukhari menyimpulkan bahawa kentut juga keluar melalui salah satu dari dua saluran najis iaitu dubur. Oleh sebab itulah ia membatalkan wudhu⁴.

⁵⁰ Air mazi juga keluar melalui salah satu dari dua saluran najis iaitu qubul. Oleh kerana ia adalah sesuatu yang keluar secara normal, maka ia membatalkan wudhu⁵.

١٧٣ - حَدَّثَنَا سَعْدُ بْنُ حَفْصٍ حَدَّثَنَا شَيْبَانُ عَنْ يَحْيَى عَنْ أَبِي سَلَمَةَ أَنَّ عَطَاءَ بْنَ يَسَارٍ أَخْبَرَهُ أَنَّ زَيْدَ بْنَ خَالِدٍ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ سَأَلَ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قُلْتُ أَرَأَيْتَ إِذَا جَامَعَ فَلَمْ يُمْنِ قَالَ عُثْمَانُ يَتَوَضَّأُ كَمَا يَتَوَضَّأُ لِلصَّلَاةِ وَيَغْسِلُ ذَكَرَهُ قَالَ عُثْمَانُ سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلْتُ عَنْ ذَلِكَ عَلِيًّا وَالزُّبَيْرَ وَطَلْحَةَ وَأُبَيَّ بْنَ كَعْبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَأَمَرُوهُ بِذَلِكَ

173 - Sa'id bin Hafs meriwayatkan kepada kami, katanya: Syaiban meriwayatkan kepada kami daripada Yahya daripada Abi Salamah bahawa 'Atha' bin Yasar menceritakan kepadanya bahawa Zaid bin Khalid memberitahunya, sesungguhnya dia telah bertanya 'Utsman bin Affan r.a. Aku (Zaid bin Khalid) bertanya: "Apa katamu, jika seseorang itu berjima' tetapi tidak mengeluarkan air mani?." 'Utsman menjawab: "Dia perlu berwudhu' seperti wudhu'nya untuk sembahyang dan membasuh zakarnya". 'Utsman selanjutnya berkata: "Saya telah mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w". Saya pernah bertanya 'Ali, Zubair, Thalhah dan Ubai bin Ka'ab, mereka (juga) menyuruh begitu⁵¹."

١٧٤ - حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ قَالَ أَخْبَرَنَا النَّضْرُ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعْبَةُ عَنِ الْحَكَمِ عَنْ ذَكْوَانَ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُرْسِلَ إِلَى رَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ فَجَاءَ وَرَأْسُهُ يَقْطُرُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَلْنَا أَعْجَلْنَاكَ فَقَالَ نَعَمْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَعْجَلْتَ أَوْ قُحِطْتَ فَعَلَيْكَ الْوُضُوءُ تَابِعُهُ وَهَبٌ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ وَلَمْ يَقُلْ غُنْدَرٌ وَيَحْيَى عَنْ شُعْبَةَ الْوُضُوءُ

174 - Ishaq meriwayatkan kepada kami, katanya: An-Nadhr meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami daripada Al-Hakam daripada

⁵¹ Mengikut Ahli Az-Zahir dan segelintir sahabat Nabi s.a.w, semata-mata masuknya zakar ke dalam faraj tanpa mengeluarkan air mani tidaklah mewajibkan mandi. Walaubagaimanapun seseorang yang mengalami demikian tetap perlu berwudhu', kerana sudah tentu air mazinya keluar meskipun air maninya belum keluar. Inilah yang dikehendaki Bukhari bahawa air mazi yang keluar melalui qubul secara normal itu membatalkan wudhu'. Tetapi Imam-imam ke empat-empat mazhab dan kebanyakan 'ulama' berpendapat semata-mata masuknya zakar ke dalam faraj tanpa mengeluarkan air mani juga mewajibkan mandi.

Zakwan Abi Shaleh daripada Abi Sa'id Al-Khudri bahawa Rasulullah s.a.w telah mengutuskan orang kepada seorang lelaki Ansar. Lelaki itu datang dalam keadaan kepalanya menitiskan air. Melihat keadaannya Nabi s.a.w bersabda: "Barang kali kami telah menyebabkan engkau tergopoh-gapah?". Lelaki itu berkata: "Ya benar". Terus saja Rasulullah s.a.w bersabda: "Apabila engkau dalam keadaan tergesa-gesa atau tertahan (tidak mengeluarkan mani), maka engkau (hanya) perlu berwudhu'⁵²." Wahb menjadi mutabi' kepadanya (An-Nadhr), katanya: Syu'bah telah meriwayatkan kepada kami. Abu 'Abdillah (Imam Bukhari) berkata: Ghundar dan Yahya tidak menyebutkan daripada Syu'bah; الوضوء (ya'ni mereka berdua meriwayatkan daripada Syu'bah tanpa beliau menyebutkan perkataan wudhu').

⁵² Hadits ini sama juga dengan hadits sebelum ini dari segi menyatakan keluarnya air mazi membatalkan wudhu'.